

Kebakaran Flat Sri Sabah bukan sebab main mercun

Oleh **NURAINA HANIS**
ABD. HALIM

hanis.halim@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kebakaran lima unit di tingkat 17, Blok 70 di Flat Sri Sabah, Cheras di sini dipercayai bermula di sebuah unit di blok terbabit.

Perkara itu disahkan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.


Beliau berkata, siasatan awal mendapati kebakaran dipercayai bermula di unit nombor tiga di tingkat 17 itu.

Bagaimanapun, jelasnya, punca sebenar kebakaran masih belum dapat dikenal pasti.

“Anjing pengesan (K9) telah digerakkan ke lokasi kejadian namun kita mendapati tiada sebarang unsur khianat atau dakwaan kejadian disebabkan mercun atau membakar kertas (ritual Tahun Baharu Cina)

“Kita juga telah mengenal pasti di mana kebakaran itu bermula iaitu di unit nombor tiga.

“Bagaimanapun, pasukan forensik masih menjalankan



PEGAWAI bomba melakukan kerja-kerja siasatan bagi mengenal pasti punca kebakaran yang berlaku di Blok 70, Perumahan Awam Sri Sabah, Cheras semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

siasatan di lokasi kejadian bagi kenal pasti punca termasuk elemen masalah pendawaian atau sebagainya,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Muhammad Salleh, siasatan lanjut sedang dijalankan termasuk mengambil keterangan penghuni kediaman-kediaman terlibat.

“Ketika kejadian, ada penghuni yang tiada di rumah, ada juga rumah kosong. Jadi kita sedang ambil keterangan mereka,” ujarnya.